

SEHATI SEJIWA SYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا سَخِرُجَ إِلَّا نِكَدًا كَذَلِكَ نُصَرِّفُ

(Surah Al-A'raaf, ayat: 58) ﴿٥٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi serta mentaati segala suruhan dan larangan-Nya. Sesungguhnya ketaqwaan kepada Allah SWT menjadi garis pemisah antara Muslim dengan yang bukan Islam. Ketaqwaan kepada Allah SWT juga akan menjamin seseorang mukmin itu masuk syurga sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

﴿٥٥﴾ إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٤﴾ فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang bertaqwa, ditempatkan dalam taman-taman syurga (yang indah) dan (dekat) beberapa sungai di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan yang menguasai segala-galanya, lagi yang berkuasa melakukan sekehendak-Nya.” (S. Al-Qamar: 54-55).

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Tahmid dan syukur kita rafakkan ke hadrat Allah SWT yang menganugerahi negara kita dengan nikmat kemerdekaan dan keamanan. Ia paling berharga dan bermakna bagi setiap warga yang menghuni bumi bernama Malaysia ini. Dengan kemerdekaan dan keamanan yang wujud, rakyat berbilang kaum bebas mencari rezeki di setiap inci muka bumi negara ini. Manakala di pihak pemerintah pula, kemerdekaan dan keamanan membolehkannya melaksanakan segala dasar pembangunan dengan lancar dan berkesan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat.

Dengan hal yang demikian, kemerdekaan adalah antara nikmat yang amat bernilai dan besar ertinya dalam suasana dan wajah dunia yang tidak sunyi daripada kekejaman sesama manusia, keserakahan perebutan kuasa, dan penjajahan minda. Maka, kemerdekaan yang telah dikurniakan oleh Maha Pencipta ini seharusnya disyukuri oleh setiap rakyat. Satu daripada caranya ialah dengan memupuk subur dan memelihara nikmat kemerdekaan bagi memastikan obor yang dinyalakan oleh para pejuang terdahulu tidak menjadi kelam dan malap.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Marilah kita insafi bersama bahawa Allah SWT tidak akan mengubah keadaan dan nasib kita kepada keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya jika kita tidak mahu berusaha mengubah keadaan yang ada pada diri kita sendiri. Maka, selaku pewaris kemerdekaan, kita hendaklah sentiasa mengenang dan mengingati betapa payahnya keadaan hidup rakyat semasa dijajah dahulu. Walaupun barangkali sebahagian besar daripada generasi hari ini tidak pernah merasakan keperitan hidup sebelum merdeka, namun jadikanlah pengalaman pahit serta penderitaan hidup yang dirasai dan dialami oleh datuk nenek atau mungkin ibu bapa kita di zaman pemerintahan British dan Jepun sebagai pengajaran dalam memperbaiki diri dari segi pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya ke arah membentuk penghidupan yang lebih baik daripada hari kelmarin.

Dalam hubungan ini, renungilah seruan Nabi Musa AS yang menggesa kaumnya supaya mengingati betapa besarnya nikmat kemerdekaan setelah bebas daripada diperhambakan oleh Firaun:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّكُمْ عَلَيْهِ كَانَتْ بَرَاءَةٌ مِّنْ فِرْعَوْنَ وَهُوَ وَجَعَلَكُمْ مَّلُوكًا
وَأَتَاكُمْ مَّا لَمْ يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan (ingatkanlah) mereka wahai Muhammad, ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (yang diberikan) kepada kamu ketika Dia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang nabi, dan Dia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhambakan oleh Firaun dan orang-orangnya), dan Dia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada seseorangpun dari umat-umat (yang ada pada masa itu)”. (S. Al-Maaidah: 20).

Inti pati daripada mafhum ayat ini menghimbau setiap warga negara ini supaya tidak pernah alpa daripada mengenang dan mensyukuri nikmat kemerdekaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Semua pihak termasuk pemimpin dan rakyat tanpa mengira ideologi mesti bersyukur dalam menikmati ruang kehidupan yang jauh lebih baik berbanding ketika di awal kemerdekaan dahulu. Kesyukuran dan kesedaran akan menginsafkan diri untuk melakukan yang terbaik untuk mengisi dan memaknakan kemerdekaan ini dengan berusaha bergerak ke hadapan mencapai kemajuan dalam semua dimensi kehidupan berlandaskan pembangunan jasmani dan rohani yang seimbang. Ini bagi memenuhi aspirasi kemerdekaan mewujudkan negara yang berdaulat dan makmur dalam limpahan rahmat dan keredhaan Allah SWT.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos setiap tahun menjadi platform terbaik dalam menyuburkan kesyukuran terhadap nikmat kemerdekaan sekaligus memelihara semangat kesatuan dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negara kita.

Hari yang bersejarah itu juga mengingatkan setiap warga supaya memainkan peranan dalam mempertahankan apa yang dimiliki hari ini berkekalan selama-lamanya hingga ke akhir dunia. Ia penting kerana nikmat kemerdekaan, perpaduan, dan keamanan yang ada pada hari ini boleh lenyap mahupun diragut sekelip mata andai kata leka dan lalai.

Kita akui bahawa toleransi yang tinggi antara rakyat serta pemimpin pelbagai kaum di negara ini sepanjang lebih lima dekad lalu berjaya membentuk sebuah negara Malaysia yang aman, stabil dan maju. Tetapi malangnya, semakin negara menginjak usia lebih dewasa, semangat kemerdekaan dalam kalangan rakyat nampaknya semakin pudar. Perpaduan dan keharmonian antara kaum yang selama ini menjadi teras kepada pembangunan negara mula diganggu-gugat keampuhannya oleh anasir-anasir tidak bertanggungjawab yang menyalakan api kebencian, syak wasangka dan permusuhan melalui pelbagai isu dan sentimen.

Memang pada ketika ini pada zahirnya hubungan antara kaum tidak memperlihatkan sebarang tanda-tanda kerosakan. Tetapi, sampai bila ia mampu bertahan jika ada pihak yang saban hari mengasak dengan bermacam bentuk hasutan serta sentimen agama dan perkauman? Ibarat api yang membakar sekam, sentimen-sentimen berkenaan lama-kelamaan boleh membakar perasaan rakyat secara diam.

Oleh hal yang demikian, senario yang menggugat perpaduan negara dan kaum ini adalah berbahaya dan perlu dibendung segera secara bijak dan tuntas. Kegagalan menanganinya akan memungkinkan kemerdekaan dan jambatan perpaduan yang kita bina selama ini akan mengalami keretakan malah keruntuhan andai kita terlalu selesa dengan nikmat yang sedia ada tanpa berusaha menghayatinya dan mempertahankannya.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Di dalam al-Quran terakam firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahilaiah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara...”* (S. Ali-Imraan: 103).

Ini adalah firman Allah SWT yang memerintahkan umat Islam supaya berpegang teguh dengan ajaran agama sekali gus hidup bersatu padu atas ikatan ukhuwah Islamiah. Perintah serta seruan ini wajib kita terjemahkan bersama dalam konteks negara kita memandangkan umat Islam adalah rakyat serta penduduk majoriti Malaysia. Kesepaduan kita dalam menjunjung tinggi syariat Allah SWT dan menterjemahkan “Ummatan Wahidah” atau umat yang satu akan saling kuat-menguatkan ummah dan negara kita yang tercinta ini selaras mafhum sabda Rasulullah SAW:

“Ibarat seorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seumpama sebuah binaan yang terdiri daripada bahan binaan yang saling sokong menyokong, kukuh mengukuhkan antara satu sama lain hingga terciptanya sebuah binaan yang tersergam kukuh.” (HR Al-Bukhari).

Sehubungan itu, dalam menelusuri bulan kemerdekaan tahun ini, marilah kita mengetepikan segala persengketaan, perselisihan faham dan ideologi politik seterusnya bermuhasabah diri dan insaf dengan pelbagai cabaran yang mula menggoncang perpaduan kaum di negara kita lantas berusaha untuk menepisnya dari akar umbi lagi sebelum ia merebak menjadi virus yang sukar diubati. Teruskan semangat hormat menghormati, saling menerima antara satu sama lain, bertolak ansur dan berkerjasama dengan penuh ikhlas supaya tali silaturahmi itu dapat terus diperkukuhkan.

SIDANG JEMAAH YANG BERIMAN,

Kesimpulannya, nikmat kemerdekaan yang kita kecapai hingga ke hari ini mestilah disyukuri, dikekalkan dan terus dipupuk terutama dalam jiwa generasi muda. Ini kerana, generasi muda hari ini adalah pewaris perjuangan mengisi kemerdekaan dan pencorak masa depan yang lebih gemilang.

Justeru, sempena bulan kemerdekaan ini yang bertemakan “**Sehati, Sejiwa**”, marilah kita bersatu dan seia sekata mensyukuri nikmat kemerdekaan dengan sedaya upaya mempertahankannya daripada diganggu-gugat oleh musuh sama ada dari dalam mahupun dari luar. Hamba yang bersyukur akan dikasihi Allah SWT dan ditambahkan nikmat. Manusia yang ingkar dan sombong pula akan dibenci dan dimurkai Allah SWT.

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.” (S. Ibrahim: 7).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.